JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

# BULETIN JTK SARAWAK

## EDISI 24 BIL 1/2021 (JANUARI - JUN 2021)



KANDUNGAN


Dari Meja Ketua Editor

Perutusan Pengarah

Aktiviti Rasmi Jabatan

Sudut Pendidikan

Info ICT

Berita Warga
- *Salam Perkenalan
- *Kenaikan Pangkat
- *Pegawai Yang Telah Bersara
- *Cahaya Mata
- *Pertukaran (ke luar JTKSWK)
- *Sekalung Takziah










# Dari Meja Ketua Editor



Assalamualaikum wbt.

Salam Sarawak Gemilang untuk semua,

Selamat bersua kembali dalam Buletin JTK Sarawak Edisi 24 Bil.1/2021. Saya amat berbesar hati diberi kepercayaan untuk turut serta dalam pengisian Buletin JTK Sarawak seterusnya mengambil alih tanggungjawab sebagai Ketua Editor bagi menggantikan Tuan Sulaiman bin Ismail, mantan Timbalan Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sarawak yang telah berpindah dan bertugas di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) di Putrajaya pada bulan April 2021 yang lepas. Saya bagi pihak Sidang Editorial Buletin JTK Sarawak merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada beliau diatas komitmen dan usaha yang diberikan untuk memastikan penerbitan Buletin JTK Sarawak sebelum ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Semoga kerjasama yang sama dapat diteruskan kepada saya. Kami juga mendoakan semoga Tuan Sulaiman bin Ismail terus kekal sihat dan cemerlang di jabatan baharu beliau.

Kita semua sedia maklum bahawa negara kita masih lagi dilanda penularan wabak pandemik COVID-19 dan jumlah kes positif jangkitan telah mencecah angka 1 juta orang. Namun JTK Sarawak telah dapat juga melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang setengah tahun pertama tahun 2021 ini. Buletin kali ini akan memaparkan program, aktiviti jabatan, berita warga dan sebagainya sepanjang tempoh bulan Januari hingga Jun 2021 ini disamping terdapat info dan pendidikan perburuhan untuk pengetahuan pembaca yang budiman.

Sebagai Ketua Sidang Editor buletin ini, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga JTK Sarawak atas sokongan dan kerjasama sama ada secara langsung atau tidak dalam usaha menerbitkan buletin ini amnya dan ahli-ahli dalam Sidang Editorial khasnya. Syabas saya ucapkan!

Saya berharap agar Buletin JTK Sarawak ini dapat menjadi wadah penyampaian informasi yang berkesan dalam memaklumkan segala aktiviti dan program yang telah berjaya dilaksanakan oleh Jabatan ini.

Sekian, wassalam dan Selamat membaca!

**WAN ZAIFOLLUDEAN BIN WAN ZAKARIA**

# Perutusan Pengarah
## TENAGA KERJA, SARAWAK



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Masa beredar begitu pantas, pejam celik kita sudah berada di pertengahan tahun 2021. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat bersua kembali dalam Buletin JTK Sarawak Edisi 24 Bil. 1/2021. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan syabas diucapkan kepada semua ahli Sidang Editorial Buletin JTK Sarawak yang telah menjayakan penerbitan buletin Jabatan Edisi 24 Bil. 1/2021.

Seperti yang kita semua sedia maklum, dunia masih berhadapan dengan pandemik COVID-19. Pada 18 Mac 2020 yang lalu, kerajaan pusat telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak virus COVID-19 yang berlanjutan hingga ke hari ini. Pelbagai langkah dan pelan tindakan telah diikhtiarkan dan dilaksanakan agar pandemik ini berakhir serta tidak meninggalkan kesan yang mendalam kepada kehidupan rakyat di Malaysia secara umumnya. Norma kehidupan seharian kita di semua peringkat masyarakat telah berubah termasuklah cara bekerja di setiap organisasi sama ada di sektor swasta atau di sektor awam. Pembudayaan norma baharu ini tidak menghalang warga kerja JTK Sarawak untuk terus berkhidmat kepada masyarakat mengikut SOP dan arahan yang telah ditetapkan sama oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Sarawak Disaster Management Committee (SDMC) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pelbagai program dan aktiviti telah diusahakan dan dijayakan sepanjang setengah tahun pertama tahun 2021 ini.

Untuk makluman pembaca yang budiman, sebagai sebuah Jabatan yang menjalankan fungsi penguatkuasaan undang-undang perburuhan khususnya di Sarawak, JTK Sarawak telah berjaya menjalankan beberapa siri Operasi Bersepadu bersama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti PDRM, Jabatan Immigresen, Jabatan Kesihatan, PERKESO, Jabatan Kesihatan Dan Keselamatan Pekerja (JKKP) dan sebagainya untuk memantau dan memastikan pematuhan SOP di tempat-tempat pekerjaan bagi membendung penularan wabak Covid-19. Antaranya ialah Operasi Khas *Task Force* Program Saringan Kesihatan COVID-19, Operasi Khas *Task Force* Pematuhan SOP Penginapan Pekerja (Akta 446) di sektor Perkilangan, Sektor Am, Kedai Makan dan Restoran, Agro Komoditi, Sektor Pembinaan dan sebagainya. Kejayaan pelaksanaan aktiviti dan program yang dirancang ini adalah hasil kerjasama yang erat daripada semua Pejabat Tenaga Kerja di seluruh Sarawak bersama agensi serta jabatan penguatkuasaan yang lain.

Pada 25.03.2021, JTK Sarawak telah menerima kunjungan singkat daripada Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Datuk Seri M.Saravanan dan rombongannya iaitu, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Sumber Manusia, Dato' Jamil Rakon, Ktua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Tuan Haji Asri Ab Rahman, Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed dan Ketua Eksekutif Pembangunan Sumber Manusia Berhad ,Datuk Shahul Hameed Dawood.

Sukacita saya ingin maklumkan di sini bahawa, ini adalah julung kalinya YB Menteri Sumber Manusia mengadakan kunjungan ke JTK Sarawak sejak kewujudan JTK di Sarawak. Untuk itu, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri M. Saravanan atas kesudiannya meluangkan masa singgah di JTK Sarawak. Warga JTK Sarawak sangat menghargai kunjungan beliau dan rombongan.

Selain itu beberapa siri kunjungan hormat juga telah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai tertinggi JTK Sarawak ke beberapa jabatan dan agensi lain di Sarawak bagi tujuan menjalin hubungan dan kerjasama baik di masa hadapan.

Terdapat juga beberapa orang pegawai Jabatan ini yang telah dinaikkan pangkat ke gred yang lebih tinggi dan juga yang bertukar tempat bertugas. Kepada pegawai-pegawai ini, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah, semoga terus berjaya dan cemerlang dalam perkhidmatan walau dimana jua anda berada. Selamat bersara kepada pegawai yang bersara dan semoga dikurniakan kesihatan yang berkekalan.Tidak lupa juga kepada pegawai dan staf baharu yang menyertai keluarga besar JTK Sarawak, selamat datang dan selamat bertugas.

Harapan saya agar seluruh warga Jabatan ini terus memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat khususnya di Sarawak, walaupun berdepan dengan penularan wabak Covid-19 yang membahayakan kesihatan malah telah mengorbankan banyak nyawa. Sama-samalah kita menjaga keselamatan dan kesihatan diri dengan mematuhi semua SOP dan garis panduan yang telah ditetapkan semasa menjalankan tugas. Insyallah kita akan selamat dan akan kembali menjalani kehidupan seperti biasa. Lindungi diri untuk melindungi semua.

Akhir kata, semoga paparan dalam buletin ini dapat memberi manfaat dan informasi berguna kepada semua pembaca yang budiman.

Selamat membaca.

Sekian, wassalam.

**AWANG RADUAN BIN AWANG OMAR**

# Aktiviti Penguatkuasaan

Dalam persekitaran kerja norma baharu sekarang ini, aktiviti-aktiviti jabatan amatlah terbatas demi mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kerajaan akibat daripada pandemic COVID-19 yang melanda negara kita. Walau bagaimana pun sepanjang tempoh bulan Januari hingga Jun 2021, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah giat menjalankan sebanyak mungkin aktiviti-aktiviti penguatkuasaan sebagai sebuah jabatan yang menguatkuasakan undang-undang perburuhan. Beberapa siri operasi dan pemeriksaan telah berjaya dilaksanakan di seluruh Sarawak sama ada melalui OPS bersepadu dengan jabatan dan agensi penguatkuasa lain mahupun inisiatif jabatan ini sendiri. Pelbagai Pasukan Task Force khusus telah ditubuhkan bagi memperkemaskan lagi aktiviti penguatkuasaan di jabatan dan dianggotai oleh pelbagai jabatan dan agensi penguatkuasaan lain seperti PDRM, Jabatan Immigresen, RELA, Pejabat Residen, JKKP, PERKESO, Jabatan Kesihatan Negeri dan pelbagai lagi.

Objektif operasi dan pemeriksaan penguatkuasaan ini bukan sahaja untuk memastikan majikan mematuhi undang-undang perburuhan malah membantu kerajaan dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19 yang melanda negara melalui beberapa siri OPS Pematuhan SOP yang ditetapkan di tempat kerja dan sebagainya. Antara operasi yang dijalankan oleh Jabatan sepanjang tempoh enam (6) bulan pertama tahun 2021 ini ialah;

**A. Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Akta 342**

1. Operasi Khas Task Force Program Saringan Kesihatan COVID-19 (TF-PSKC19)
2. Operasi Pematuhan SOP Agro-Komoditi
3. Operasi Pematuhan SOP Pembuatan
4. Operasi Pematuhan SOP Pembinaan
5. Operasi Pematuhan SOP Am

**B. Operasi Penguatkuasaan Akta 342**

**– Operasi Pematuhan SOP Penginapan**

**C. Operasi Penguatkuasaan Akta 446**

**– Operasi Task Force Pematuhan Penginapan Pekerja**

**D. Operasi Penguatkuasaan Mengikut Industri**

1. Operasi Kedai Runcit
2. Operasi Sektor Pembuatan
3. Operasi Sektor Pembinaan

**E. Operasi Malam - Operasi Premis Makanan**







# OPERASI KHAS TASK FORCE PROGRAM SARINGAN KESIHATAN COVID [TF-PSKC-19]






## KUCHING





## SRI AMAN





## BINTULU

# Operasi Pematuhan Sop Agro-Komoditi







Operasi Khas Task Force Pematuhan Penginapan Pekerja di Sarikei, Saratok dan Sri Aman Pada 21 -23 Februari 2021



# Operasi Pematuhan SOP Pembuatan











# Operasi Pematuhan SOP Pembuatan








# Operasi Pematuhan SOP Pembuatan









# Operasi Pematuhan SOP Pembinaan











# Operasi Penguatkuasaan AKTA 342 dan AKTA 446
















# *Operasi Pematuhan SOP Am*








# Operasi Pematuhan SOP Am

















# Operasi Pematuhan SOP Penginapan









# Operasi Pematuhan SOP Penginapan











## Operasi Pematuhan SOP Am










LEXUS



## Operasi malam - Operasi Premis Makanan









**Operasi malam - Operasi Premis Makanan**



# Operasi Pematuhan SOP Am













# Operasi Pematuhan SOP Am









# Operasi Pematuhan SOP Am








# Operasi Pematuhan SOP Am














# Operasi Kedai Runcit











# Operasi Pematuhan SOP Am
















# Pemeriksaan Berkanun oleh PTK Bakun di Kawasan Bakun Pada 12 Mac 2021









**Operasi Penatuhan SOP Penginapan di Bintulu pada 17-18 Mac 2021**





# Operasi Pematuhan SOP Am











# Operasi Pematuhan SOP Penginapan









# Operasi Pematuhan SOP Am

















# Operasi Pematuhan SOP Sektor Pembinaan















# Operasi Pematuhan SOP Penginapan Vessel Tangkap Ikan







# Operasi Pematuhan SOP Penginapan Vessel Tangkap Ikan









# Operasi Pematuhan SOP Am





































## *Operasi Pematuhan SOP Am*





# Operasi Pematuhan SOP Am







# Operasi Pematuhan SOP Am









# Operasi Pematuhan SOP Am









# Operasi Pematuhan SOP Am








# Operasi Pematuhan SOP Am










# Pemeriksaan dan Pemantauan Kluster Jalan Kampung Yoh Sebauh, Bintulu

Satu pemeriksaan dan pemantauan telah diadakan ke Kluster Jalan Kampung Yoh Sebauh, Bintulu pada 6/6/21 bersama dengan rombongan bersama YB Datuk Sri Tiong Khing Sing dan beberapa agensi lain seperti PDRM KKM, JIM, JKR, Pejabat Daerah Sebauh. Ketua Pejabat PTK Bintulu, Encik Anthony Lawai Lutang bersama dua orang pegawai Cik Diana Supit dan En Jason Wong juga turut serta dalam rombongan tersebut.

Kluster ini ialah kluster tempat tinggal pekerja yg terdiri daripada pekerja sebuah syarikat kontraktor pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo. Seramai 79 pekerja asing dan tempatan tinggal di tempat ini di mana 58 org disahkan positif dan telah dibawa ke hospital untuk rawatan. Baki pekerja yg tinggal diarah untuk dibawa ke pusat kuarantin untuk pemeriksaan lanjut.

Pemeriksaan ke dalam rumah penginapan pekerja tidak dibenarkan atas faktor keselamatan ketika itu.









BINTULU, 15 Januari 2021 – Sebuah syarikat pembuatan di Bintulu didenda RM2,000.00 oleh Mahkamah Majistret Bintulu kerana melanggar Seksyen 13(5) Akta Pampasan Pekerja 1952 iaitu gagal melaporkan kemalangan ke atas pekerjanya ke Pejabat Tenaga Kerja Terdekat. Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Tenaga Kerja Sarawak dari PTK Sibu, Encik Kennedy Lawrence. Turut hadir dalam kes pendakwaan ini ialah Pengawai Penyiasat (IO) Puan Javline Lireh Semut daripada PTK Bintulu.




Gambar : Encik Kennedy Lawrence bersama Puan Javeline Lireh di hadapan Kompleks Mahkamah Bintulu




Gambar : Encik Kennedy Lawrence bersama Puan Asmah Bujang, Encik Abang Khaider dan Encik Dominic di hadapan Kompleks Mahkamah Sibu pada 05 April 2021

SIBU, 05 April 2021 – Sebuah syarikat perladangan di Sibu didenda RM8,000.00 oleh Mahkamah Majistret Sibu kerana melanggar Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 iaitu gagal membayar gaji minimum pekerja-pekerjanya. Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa (PO) Jabatan Tenaga Kerja Sarawak dari PTK Sibu, Encik Kennedy Lawrence. Turut hadir dalam kes pendakwaan ini ialah Puan Asmah Binti Bujang dari Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat, Pegawai Penyiasat (IO), Encik Dominic Empera dan Encik Abang Mohamad Khaider Bin Abang Suhaili dari PTK Sibu.




# Program Bersama Pegawai Penyiasat Di Pejabat Tenaga Kerja Oleh Bahagian Penguatkuasaan JTK Sarawak

Perjumpaan bersama pegawai-pegawai pengendalian kertas siasatan di PTK Bintulu dengan Bahagian Penguatkuasaan (BP) di Ibu Pejabat JTK Sarawak pada 03.05.2021 secara dalam talian menggunakan aplikasi 'Zoom Meeting' dalam program 'anak angkat' Bahagian Penguatkuasaan 2021.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk kedua-dua pihak berbincang dan meneliti setiap kertas siasatan di PTK berkenaan seterusnya menyelesaikan isu-isu tertunggak berhubung kertas siasatan terlibat.

# Penyelesaian Pertikaian Pekerja Dan Majikan Oleh Ptk Bintulu

Pada 22 hingga 23 April 2021 telah berlaku salah faham dan ketidakpuasan hati pekerja-pekerja di sebuah kilang pembuatan di kawasan perindustrian Samalaju, Bintulu berkaitan isu pengurusan pendemik COVID-19 oleh majikan mereka di tempat kerja. Pekerja-pekerja telah melakukan mogok sehingga memaksa campurtangan pihak berkuasa terbabit. PTK Bintulu telah turut terlibat dalam menyelesaikan pertikaian yang berlaku. Suatu pertemuan dan perbincangan di antara pihak pengurusan majikan dan wakil-wakil pekerja telah diatur. Perbincangan berlangsung dengan baik dan dihadiri kedua-dua pihak bersama dengan pihak berkuasa terbabit. Pertikaian itu berjaya diselesaikan dengan aman tanpa apa-apa insiden yang tidak diingini berlaku.















# Kunjungan Hormat Pengarah JTK Sarawak kepada Panglima Briged Ketiga Infantri Malaysia

Pada 26 Januari 2021 Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Tuan Awang Raduan Bin Awang Omar telah mengadakan Kunjungan Hormat kepada Panglima Briged Ketiga Infantri Malaysia, Brigedier Jeneral Dato' Haji Azhar Bin Haji Ahmad di Kompleks Kem Penrissen, Kuching.

Objektif kunjungan hormat tersebut adalah untuk merapatkan lagi jalinan hubungan di antara Jabatan ini dengan pasukan Angkatan Tentera Malaysia selain berbincang mengenai bentuk-bentuk kerjasama yang boleh diterokai bersama di masa hadapan khususnya berkaitan hal ehwal perburuhan di Sarawak.

















# Kunjungan Hormat Pengarah JTK Sarawak ke Jabatan Perikanan Laut Sarawak







Pada 04.02.2021 Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Tuan Awang Raduan Bin Awang Omar telah mengadakan Kunjungan Hormat kepada Pengarah Jabatan Perikanan Laut Sarawak, Tuan Bohari Bin Haji Leng di pejabatnya di Bangunan Sultan Iskandar. Turut serta dalam kunjungan tersebut ialah Ketua Bahagian Standard Perburuhan, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, Puan Jamillah binti Putit serta beberapa pegawai kanan lain.

Objektif kunjungan hormat tersebut adalah untuk merapatkan lagi jalinan hubungan di antara Jabatan ini dengan Jabatan Perikanan Laut Wilayah Sarawak selain berbincang mengenai bentuk-bentuk kerjasama yang boleh diterokai bersama di masa hadapan khususnya berkaitan hal ehwal perburuhan di sektor perikanan laut di Sarawak.

# AKTIVITI RASMI JABATAN















# Kunjungan Hormat Timbalan Pengarah JTK Sarawak Kepada Pengarah Maritim Negeri Sarawak







Pada 02 Mac 2021 Timbalan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Encil Sulaiman Bin telah mengadakan Kunjungan Hormat kepada Pengarah Maritim Negeri Sarawak, Laksaman Pertama Maritim Zin Azman bin Mohd Yunus di pejabatnya di Kompleks Maritim Tun Abang Salahuddin (Komtas), Muara Tebas, Kuching. Turut serta dalam kunjungan tersebut ialah Ketua Bahagian Standard Perburuhan, Ketua Bahagian Penguatkuasaan dan Ketua Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.

Objektif kunjungan hormat tersebut adalah untuk merapatkan lagi jalinan hubungan di antara Jabatan ini dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Sarawak selain berbincang mengenai bentuk-bentuk kerjasama yang boleh diterokai bersama di masa hadapan khususnya berkaitan hal ehwal perburuhan dan aspek penguatkuasaan undang-undang perburuhan khususnya di sektor perikanan laut di Sarawak.









# Kunjungan Hormat Pengarah JTK Sarawak Kepada Konsul Jenderal Indonesia

Pada 15 Mac 2021 Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Tuan Awang Raduan Bin Awang Omar telah mengadakan Kunjungan Hormat kepada Konsul Jenderal Republik Indonesia di pejabatnya di Menara MAA, Jalan Central di Kuching. Turut serta dalam kunjungan tersebut ialah Timbalan Pengarah, Encik Sulaiman Bin Ismail, Ketua Bahagian Standard Perburuhan, Ketua Bahagian Penguatkuasaan dan Ketua Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.

Objektif kunjungan hormat ini adalah untuk merapatkan lagi jalinan hubungan di antara Jabatan ini dengan pihak Konsulat Jenderal Republik Indonesia selain berbincang mengenai bentuk-bentuk kerjasama yang boleh diterokai bersama di masa hadapan khususnya berkaitan hal ehwal yang berkaitan dengan penggajian Tenaga Kerja Indonesia (TKI) dari republik itu di Sarawak.



# Kunjungan Hormat Pengarah JTK Sarawak Kepada Konsul Jenderal Indonesia









# Lawatan Singkat YB Sumber Manusia ke Jabatan Tenaga Kerja Sarawak Pada 25 Mac 2021











**Kunjungan Hormat YB Menteri Sumber Manusia ke Pejabat Timbalan KetuaMenteri Sarawak 25 Mac 2021**

















## Kunjungan Hormat YB Menteri Sumber Manusia ke Pejabat Timbalan KetuaMenteri Sarawak 25 Mac 2021






# Lawatan Penanda Aras Jawatankuasa Pelaksanaan Ekosistem Sektor Awam (EKSA)



Pada 30 Mac 2021 Ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Ekosistem Sektor Awam (EKSA) Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja Sarawak yang diketuai oleh Penyelaras, Encik Frederick Sait Anak Numpang telah mengadakan Lawatan Penanda Aras ke Pejabat Perbendaharaan Malaysia Sarawak di Bangunan Sultan Iskandar, Simpang Tiga Kuching.

Objektif lawatan tersebut adalah untuk melihat dan mempelajari sendiri perkara berkaitan pelaksanaan EKSA di pejabat tersebut sebagai sebuah agensi yang telah dipersijilkan. Satu taklimat telah diberikan oleh Jawatankuasa EKSA Pejabat Perbendaharaan Malaysia Sarawak sebelum rombongan dibawa melawat ke setiap ruang dan sudut EKSA pejabat tersebut.



# *Kunjungan Dato' Amir Bin Omar, Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS)* KE JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK.










# AKTIVITI RASMI JABATAN

JTK Sarawak telah menerima kunjungan daripada Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS) yang baharu YBhg Dato' Amir Bin Omar bersama pegawai-pegawai kanan daripada Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak pada petang 13 April 2021 di Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.

Tujuan kunjungan beliau ke JTK Sarawak adalah untuk mengenali dengan lebih dekat lagi fungsi dan peranan jabatan ini. Beliau telah diberi taklimat ringkas oleh Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, Tuan Awang Raduan Bin Awang Omar mengenai latar belakang serta program-program yang dirancang oleh jabatan ini sepanjang tahun 2021 ini.









# AKTIVITI MESYUARAT, BENGKEL, KURSUS, TAKLIMAT & LATIHAN

## Bengkel Sistem eDeposit Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

Sistem eDeposit Jabatan Tenaga Kerja Sarawak ialah satu sistem yang dibangunkan oleh Unit ICT Jabatan Tenaga Kerja Sarawak bagi memudahkan aktiviti pengurusan wang deposit di Jabatan ini supaya lebih kemas dan teratur terutama dari aspek pelaporan dan pemantauan.



Pada 02 Februari 2021, pihak Unit ICT ibu pejabat Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah menganjurkan bengkel secara dalam talian dan dihadiri oleh peserta daripada Unit Kewangan ibu Pejabat dan pserta-peserta terpilih daripada semua Pejabat Tenaga Kerja seluruh Sarawak.

Objektif bengkel ialah untuk menerangkan tatacara penggunaan Sistem eDeposit disamping menyemak data dan maklumat yang telah dikunci masuk oleh PTK Bahagian berkaitan wang deposit.







# Bengkel HRMIS 2.0

Bengkel HRMIS 2.0 telah berlangsung pada 27 Januari 2021. Bengkel ini dihadiri oleh tiga kakitangan Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran system HRMIS Jabatan Tenaga Kerja Sarawak. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan dan 'hands-on training kepada pentadbir sistem di semua jabatan yang terlibat.



## Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak Bil.01/2021

Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak Bil.01/2021 telah diadakan selama dua hari pada 03 hingga 04 Februari 2021. Persidangan diadakan secara dalam talian menggunakan aplikasi "Zoom" sebagai mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kerajaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKP) berikutan pendemik COVID-19 yang bukan sahaja melanda negara kita tetapi di seluruh dunia.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Tuan Awang Raduan bin Awang Omar dan dihadiri oleh semua Ketua Bahagian dan pegawai kanan di ibu pejabat, Ketua-ketua Pejabat PTK Bahagian dan pegawai-pegawai kanan di semua PTK Bahagian.

Objektif mesyuarat ialah untuk memaklumkan kepada semua pegawai di PTK Bahagian berhubung perlaksanaan strategi dan pelan tindakan yang telah ditetapkan oleh bahagian-bahagian di ibu pejabat susulan daripada persidangan terdahulu. Semua ketua Bahagian di Ibu Pejabat telah membentangkan tatacara pelaksanaan pelan dan strategi bahagian masing-masing di samping berbincang serta mengenalpasti perkara dan isu yang boleh ditambahbaik untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan serta mengambil pandangan, cadangan dan pendapat yang diusulkan.





# AKTIVITI RASMI JABATAN





Ibu Pejabat JTK Sarawak



Ibu Pejabat JTK Sarawak



PTK Serian



PTK Miri



PTK Sri Aman



PTK Limbang



PTK Bintulu

# AKTIVITI RASMI JABATAN



PTK Lawas



PTK Sarikei



PTK Sibu



PTK Bakun



PTK Kapit



PTK Betong



Ibu Pejabat JTK Sarawak



PTK Kuching



# Bengkel Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia (KSM) Tahun 2021-2025

Bengkel Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia (KSM) Tahun 2021-2025 telah diadakan pada 27 Januari 2021. Bengkel tersebut dianjurkan oleh Bahagian Dasar, Kementerian Sumber Manusia sebagai permulaan untuk pembangunan Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia bagi tahun 2021 – 2025. Bengkel ini telah dihadiri oleh Timbalan Pengarah, Encik Sulaiman bin Ismail dan beberapa focal person yang dilantik daripada Bahagian Penyelidikan dan Maklumat (BPM) Jabatan Tenaga Kerja Sarawak. Bengkel ini diadakan secara dalam talian.

Objektif bengkel ini adalah untuk memberi penerangan kepada peserta dan Focal Person (FP) dari setiap jabatan mengenai teori dan kaedah yang digunakan untuk membangunkan Pelan Strategik sesuatu organisasi iaitu menggunakan kaedah Balance Scorecard oleh Puan Rohana dari Unit KPI, KSM yang juga memiliki Sijil Profesional dalam bidang tersebut dari Balance Scorecard Institute (BSI).



Kaunter untuk mendapatkan borang permohonan kerja




Para pencari kerja sedang mengisi borang permohonan kerja



YB Dato' Masir Kujat, Timbalan Menteri 2, Kementerian Dalam Negeri, sedang menyampaikan ucapan perasmian



# Perpisahan dengan Timbalan Pengarah, Tuan Sulaiman bin Ismail pada 29 April 2021









# Pembangunan Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB)

Bengkel System Design Specification (SDS) - Release 2 pembangunan Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB) telah diadakan di Roxy Hotel Kuching pada 4 -8 Januari 2021. Bengkel ini dianjurkan secara dalam talian oleh JTKSM dan dikendalikan oleh pihak kontraktor projek di Putrajaya. Bengkel ini dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Tenaga Kerja Sarawak yang telah dilantik sebagai Subject Matter Expert (SME). Bengkel SDS – Release 2 ini adalah sebahagian daripada fasa pembangunan projek SPPB sebelum ke fasa seterusnya.










# Pembangunan Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB)

Bengkel User Requirement Specification (SRS) - Release 3 dan System Requirement Specification (SRS) – Release 5 bagi pembangunan Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB) telah diadakan di Hotel 56, Kuching pada 6 hingga 10 April 2021. Bengkel ini dianjurkan secara dalam talian oleh JTKSM dan dikendalikan oleh pihak kontraktor projek di Putrajaya. Bengkel ini dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Tenaga Kerja Sarawak yang telah dilantik sebagai Subject Matter Expert (SME). Bengkel SDS – Release 2 ini adalah sebahagian daripada fasa pembangunan projek SPPB sebelum ke fasa seterusnya.











## Pembangunan Sistem Penggajian Sarawak (NSOLES) oleh SOCOE pada 5 Feb



















# Perjumpaan Timbalan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak dengan SAPPOA pada 5 Feb 2021



## Mesyuarat Task Force Pematuhan Penginapan Pekerja Di Bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446]

Mesyuarat Task Force Pematuhan Penginapan Pekerja telah diadakan pada 29.01.2021 secara dalam talian. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, YBhg. Dato Jamil bin Rakon dan dihadiri oleh Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Mesyuarat tersebut diadakan bagi membincang mengenai penubuhan Task Force Pematuhan Penginapan Pekerja dan aktiviti-aktiviti di bawah pasukan tersebut.































# Taklimat Penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta446] Bersama Agensi

Taklimat Penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 bersama agensi telah diadakan di Pusat Konvensyen CIDB Sarawak pada 08 April 2021. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Tuan Phang Phin dari Bahagian Standard Perburuhan, JTK Sarawak.

Objektif taklimat ialah untuk memberi penerangan mengenai penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 kepada agensi-agensi penguatkuasa yang lain.





## *Taklimat Penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446]*

Taklimat Penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] dan Penubuhan Jawatankuasa Task Force Pematuhan Penginapan Pekerja Taklimat Penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan Penubuhan Jawatankuasa Task Force Pematuhan Penginapan Pekerja di telah diadakan di Bilik Mesyuarat Jabatan Tenaga Kerja Sarawak pada 9 April 2021. Taklimat ini dihadiri oleh wakil-wakil dari jabatan dan agensi lain di bawah Kementerian Sumber Manusia di Sarawak.



# Audit Keselamatan Dan Kesihatan Oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Sarawak


















## Audit Keselamatan Pejabat

Satu Audit Keselamatan ke atas Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah dijalankan pada 03.03.2021. Pasukan Audit ini terdiri daripada pegawai-pegawai dari Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Sarawak.

Objektif audit ini adalah untuk memastikan prosedur dan arahan keselamatan dipatuhi oleh jabatan setiap masa demi keselamatan kakitangan dan pegawai jabatan di premis pejabat yang diduduki. Hasil auditan tersebut, JTK Sarawak telah diberi Gred B dari aspek pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.



# INFO ICT


BORNEO POST online
MEMBERI ERTI KEMANUSIAAN
Renew with Etiqa Motor Takaful


BORNEO POST online
Labour Court in S'wak records over RM2.5 mln in labour claims in 2020


malaymail
Most foreign workers in Sarawak yet to be tested for Covid-19, says Labour Dept
MEMBERI ERTI KEMANUSIAAN


Sarawak Tribune
Register workplaces or face consequence

# MyGovUC 2.0 : Persidangan Dalam Talian (VC)

### *Tahukah anda?*

MyGovUC 2.0 menyediakan platform kepada semua pengguna untuk mengadakan persidangan dalam talian (VC) secara percuma.

### *Cara mengadakan persidangan*

Pengguna perlu log masuk ke MyGovUC 2.0 melalui SSO dan klik pada ikon Conference di dalam MyGovUC WebClient.




'*Meet now*' membolehkan pengguna untuk mengadakan VC dengan segera.

'*Schedule a conference*' membolehkan pengguna untuk menjadualkan VC dengan menghantar jemputan.



